PRULink Dragon Peacock Fund

All data is as of 30 June 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年6月30日的数据
Semua data seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Objective / 目标 / *Objektif Dana*

PRULink Dragon Peacock Fund is a fund that aims to maximise long-term total return by investing primarily in equity and equity related instruments of corporations, which are incorporated in, or listed in, or operating principally from, or carrying on significant business in, or derive substantial revenue from, or whose subsidiaries, related or associated corporations derive substantial revenue from the People's Republic of China (PRC) and India. At inception, PRULink Dragon Peacock Fund will invest in a sub-fund called Eastspring Investments - Dragon Peacock Fund managed by Eastspring Investments (Singapore) Limited. The investments of the Sub-Fund include, but are not limited to, listed securities in the Recognised Markets, depository receipts including American Depository Receipts (ADRs) and Global Depository Receipts (GDRs), debt securities convertible into common shares, preference shares and warrants. The fund may invest in any other funds or sub-funds managed by Eastspring Investments (Singapore) Limited or any other fund managers to be determined from time to time.

PRULink Dragon Peacock Fund的目标乃是在长期内赚取最高的总回酬。为达致此目标, 本基金主要投资于一 些公司的股票与股票相关工具; 这些公司在中国与印度成立, 上市, 营运, 或重要的业务在当地进行, 或大部 分收入源自当地, 或者其子公司, 相关公司或附属公司的收入主要源自有关的国家。自推介,PRULink Dragon Peacock Fund投资于一项子基金, 意即由瀚亚投资(新加坡)有限公司所管理的Eastspring Investments-Dragon Peacock Fund。有关子基金的其中一些投资包括但不限于在认可市场上市的证券, 存托凭证 [包括美 国存托凭证(ADRs)与全球存托凭证(GDRs)], 可转换至普通股, 优先股与凭单的债务证券。本基金可投 资于瀚亚投资(新加坡)有限公司或其他在任何时候决定的基金经理的子基金或其他基金。

PRULink Dragon Peacock Fund *adalah dana yang bermatlamat untuk memaksimumkan jumlah pulangan jangka panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti dan instrumen berkaitan ekuiti dalam syarikat- syarikat yang diperbadankan atau tersenarai di, atau beroperasi terutamanya dari, atau menjalankan perniagaan yang penting di, atau memperoleh pendapatan yang besar daripada, atau yang anak-anak syarikat, syarikat berkait atau syarikat bersekutunya memperoleh pendapatan yang besar dari Republik Rakyat China (PRC) dan India. Pada permulaan penubuhannya,* PRULink Dragon Peacock Fund *akan melabur dalam subdana yang dikenali sebagai Eastspring Investments – Dragon Peacock Fund yang diuruskan oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited. Pelaburan Subdana termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, sekuriti tersenarai di Pasaran Diiktiraf, resit depositori termasuk Resit Depositori Amerika (ADRs) dan Resit Depositori Global (GDRs), sekuriti hutang yang boleh ditukar kepada saham biasa, saham keutamaan dan waran. Dana ini mungkin melabur dalam mana-mana dana atau subdana yang diurus oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited atau mana-mana pengurus dana yang ditentukan dari masa ke semasa.*

Fund Details / 基金详情 / *Maklumat Terperinci Dana*

Investment Manager / 投资经理 / *Pengurus Pelaburan*	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / *Tarikh Diterbitkan*	11/01/2010
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / *Saiz Dana Terkini*	RM2,146,177,647.53
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / *Caj Pengurusan Dana Tahunan*	1.50%
Current NAV / 目前的净资产值 / *NAB Terkini*	RM2.30898

How the Fund has performed / 基金表现 / *Prestasi Dana*

Performance Graph / 表现图表 / *Jaduan Prestasi Dana*
PRULink Dragon Peacock Fund vs 50% MSCI China + 50% MSCI India Index



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / *Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut*

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / *Pergerakan Harga*	-0.11%	1.57%	-10.39%	-8.95%	2.24%	-8.63%	130.90%
Benchmark / 基准指标 / *Penanda Aras*	-0.09%	2.24%	-11.78%	-11.38%	8.76%	-1.75%	160.55%
Outperformance / 表现对比 / *Perbezaan Prestasi*	-0.02%	-0.67%	1.39%	2.43%	-6.52%	-6.88%	-29.65%

Source / 资料来源 / *Sumber*: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 30 June 2026

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / *Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari* www.msci.com

Where the Fund invests
基金投资所在
Komposisi Pelaburan Dana

Asset Allocation
资产配置 / *Peruntukan Aset*

		% NAV
1	Eastspring Investments - Dragon Peacock Fund	100.64
2	Cash, Deposits & Others	-0.64

Country Allocation
国家分析 / *Peruntukan Negara*

		% NAV
1	India related / 印度有关	48.60
2	China Related / 中国有关	48.00
3	Others / 其他	2.70
4	Cash And Cash Equivalents	0.70

Top Holdings
大持股 / *Pegangan Teratas*

		%
1	Tencent Holdings Ltd	7.80
2	Alibaba Group Holding Ltd	5.50
3	Icici Bank Ltd Inr	5.00
4	Reliance Industries Ltd	4.90
5	Hdfc Bank Ltd	3.90
6	China Construction Bank Corp h h	3.60
7	Axis Bank Ltd	2.30
8	Larsen And Toubro Ltd	2.30
9	Pdd Holdings Inc	2.20
10	Ics Institutional Usdtreasury Fd	2.10

PRULink Dragon Peacock Fund

All data is as of 30 June 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年6月30日的数据
Semua data seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Monthly Update / 每月简报 / *Peningkatan Bulanan*

Market Review / 市场回顾 / *Tinjauan Bulanan*

Global equities weakened in June (MSCI World Index -0.7%), as risk appetite deteriorated on a combination of policy uncertainty, renewed volatility in the AI trade and an uneven de-escalation path in the Middle East. While oil prices retraced meaningfully towards month-end to pre-war levels (West Texas Intermediate (WTI) crude fell to USD69.50 from USD74.50) as the US–Iran memorandum of understanding (MoU) progressed and tanker flows improved, the broader market focus shifted toward sticky inflation and a higher-for-longer rates backdrop, prompting a rotation away from crowded mega-cap technology exposures towards conservative markets amid bloated valuation concerns and widening performance dispersion.

Chinese equities fell sharply in June, with the MSCI China Index down 7.1%, as sentiment was weighed down by a stronger US dollar and rising expectations of a Federal Reserve hike, alongside renewed external frictions. The PBoC continued to guide the currency weaker than expected, with the offshore yuan weakening to around 6.80 per USD, while China-Japan trade tensions resurfaced, including restrictions affecting shipments of rare-earth magnets and selected tungsten products. Policy settings remained cautious, with the PBoC keeping the one-year and five-year loan prime rates unchanged at 3.00% and 3.50% for a thirteenth consecutive month. Macro data underscored uneven momentum: consumer inflation held at 1.20% YoY in May, producer inflation accelerated to 3.90% YoY and core inflation eased to 1.10% YoY. Activity signals remained mixed, with industrial output up 4.5% YoY but retail sales down 0.6% YoY in May.

Indian equities posted modest gains in June, with the MSCI India Index up 1.5%, as a sharp pullback in crude prices and improving risk sentiment helped stabilize domestic assets even as expectations of tighter US policy remained a headwind. The Reserve Bank of India (RBI) kept the repo rate unchanged at 5.25%, while the rupee traded around 94.50 per USD at end-June, supported by easing oil-import pressures and RBI measures to subsidise foreign exchange hedging costs and incentivise external borrowings. The 10-year government bond yield eased to around 6.74%, reflecting firmer demand amid renewed foreign interest and supportive domestic liquidity measures. Inflation remained manageable on the headline measure but showed continued pipeline pressure, with the Consumer Price Index (CPI) rising to 3.90% YoY in May (from 3.50% in April) and wholesale inflation accelerating to 9.68% YoY (from 8.26%). Activity indicators stayed in expansion but moderate, with the HSBC Manufacturing PMI easing to 54.2 in June (from 55.0 in May), Flash Services PMI slipping to 57.3 (from 58.9), and Flash Composite PMI falling to 57.4 (from 59.3). Labour conditions softened, with unemployment rising to 5.5% in May (from 5.2% in April).

6月份，全球股市走弱；MSCI全球指数下跌0.7%。由于政策不确定性、AI主题交易波动再度加剧，以及中东局势缓和进程曲折，投资者风险偏好有所下降。尽管随着美伊谅解备忘录取得进展及油轮运输改善，油价在月底大幅回落至战前水平（西德克萨斯中质原油价格由每桶74.50美元跌至69.50美元），但市场焦点逐渐转向通胀黏性及"高利率维持更久"的环境。在估值过高担忧及市场表现分化加剧的背景下，资金从拥挤的大型科技股做口转向较为保守的市场。

受美元走强、市场对美联储加息的预期升温，以及外部摩擦再度加剧的影响，中国股市6月份大幅下跌，MSCI中国指数跌7.1%。中国人民银行继续引导人民币走势弱于预期，离岸人民币兑美元汇率走弱至约6.80。同时，中日贸易紧张局势再度升温，包括影响稀土磁体及部分钨制品出口运输的限制措施。政策立场仍保持谨慎，中国人民银行连续第13个月维持1年期和5年期贷款市场报价利率（LPR）不变，分别保持在3.00%和3.50%。宏观数据反映经济动能分化：5月份消费者通胀按年维持在1.20%，生产者通胀按年加快至3.90%，核心通胀按年放缓至1.10%。经济活动数据表现不一，5月份工业生产按年增长4.5%，但零售销售按年下降0.6%。

6月份，印度股市小幅上涨，MSCI印度指数上升1.5%。原油价格大幅回落及风险偏好改善，有助于稳定国内资产市场，尽管美国货币政策趋紧预期仍构成阻力。印度储备银行（RBI）维持回购利率在5.25%不变。6月底，印度卢比兑美元汇率约为94.50，主要受益于石油进口压力缓解，以及印度储备银行补贴外汇对冲成本并鼓励外部借款的措施。10年期政府债券收益率回落至约6.74%，反映外国投资者兴趣回升及国内流动性支持措施推动下，债券需求增强。整体通胀仍处于可控水平，但上游价格压力仍持续存在。5月份消费者价格指数（CPI）按年上涨3.90%（4月份为3.50%），批发通胀按年加速至9.68%（4月份为8.26%）。经济活动指标继续处于扩张区间，但增长有所放缓。汇丰制造业采购经理人指数（PMI）从5月份的55.0降至6月份的54.2，服务业PMI初值降至57.3（5月份为58.9），综合PMI初值降至57.4（5月份为59.3）。就业市场转弱，5月份失业率由4月份的5.2%升至5.5%。

Ekuiti global merosot pada bulan Jun (Indeks MSCI World -0.7%), apabila selera risiko menumpul berikutan gabungan ketidakpastian dasar, turun naik baharu dalam perdagangan AI dan laluan pengenduran yang tidak sekata di Timur Tengah. Sementelah harga minyak kembali meningkat menjelang akhir bulan ke paras sebelum perang (minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) jatuh kepada USD69.50 daripada USD74.50) apabila memorandum persefahaman (MoU) AS-Iran membuahkan hasil dan aliran kapal tangki bertambah baik, lantas tumpuan pasaran yang lebih luas beralih kepada ketegangan inflasi dan latar belakang kadar yang lebih tinggi untuk tempoh lebih panjang, mendorong penggiliran beralih daripada pendedahan teknologi mega-cap yang sesak ke arah pasaran konservatif di tengah-tengah kebimbangan penilaian yang melambung dan jurang prestasi yang melebar.

Ekuiti China jatuh mendadak pada bulan Jun, dengan Indeks MSCI China jatuh 7.1%, kerana sentimen terjejas dek dolar AS yang lebih kukuh dan jangkaan kenaikan Rizab Persekutuan yang semakin tinggi, di samping pergeseran luaran mulai kuat. PBoC terus menetapkan nilai rujukan mata wang yang lebih rendah berbanding jangkaan, dengan yuan luar pesisir menyusut kepada sekitar 6.80 setiap USD, sementara ketegangan perdagangan China-Jepun muncul semula, termasuk sekatan yang menjejaskan penghantaran magnet nadir bumi dan sesetengah produk tungsten. Tetapan dasar masih berhati-hati, dengan PBoC mengekalkan kadar utama pinjaman satu tahun dan lima tahun pada 3.00% dan 3.50% untuk bulan ketiga belas berturut-turut. Data makro menggariskan momentum yang tidak sekata: inflasi pengguna kekal pada 1.20% YoY di bulan Mei, inflasi pengeluar meningkat kepada 3.90% YoY manakala inflasi teras susut kepada 1.10% YoY. Tanda-tanda aktiviti kekal tidak seragam, dengan output perindustrian naik 4.5% YoY tetapi jualan runcit turun 0.6% YoY pada bulan Mei.

Ekuiti India mencatat keuntungan sederhana pada bulan Jun, dengan Indeks MSCI India meningkat 1.5%, berikutan penurunan mendadak harga minyak mentah dan peningkatan sentimen risiko menstabilkan aset domestik walaupun jangkaan dasar AS yang lebih ketat masih lagi satu halangan. Bank Rizab India (RBI) mengekalkan kadar repo pada 5.25%, manakala rupee diniagakan sekitar 94.50 setiap USD pada akhir Jun, disokong oleh pengenduran tekanan import ke atas minyak dan langkah RBI untuk mensubsidi kos lindung nilai pertukaran asing serta memberi insentif kepada pinjaman luar. Hasil bon kerajaan 10 tahun merosot kepada sekitar 6.74%, mencerminkan permintaan yang lebih kukuh di tengah-tengah minat asing yang baharu dan langkah kecairan domestik yang menyokong. Inflasi kekal terkawal pada ukuran rasmi tetapi menunjukkan tekanan di peringkat rantaian bekalan berterusan, dengan Indeks Harga Pengguna (CPI) naik kepada 3.90% YoY pada bulan Mei (daripada 3.50% pada bulan April) manakala inflasi borong meningkat kepada 9.68% YoY (daripada 8.26%). Petunjuk aktiviti masih dalam pengembangan tetapi sederhana, dengan PMI Pembuatan HSBC merosot kepada 54.2 pada bulan Jun (daripada 55.0 pada bulan Mei), PMI Perkhidmatan Kilat jatuh kepada 57.3 (daripada 58.9), dan PMI Perkhidmatan Kilat jatuh kepada 57.4 (daripada 59.3). Keadaan pasaran buruh lebih lembut, dengan pengangguran meningkat kepada 5.5% pada bulan Mei (berbanding 5.2% pada bulan April).

Market Outlook / 市场展望 / *Gambaran Bulanan*

Among major emerging markets, China remains relatively insulated from the direct impact of higher oil prices, due to its diversified energy mix, strategic reserves and stronger policy focus on energy security. Inflation also remains a manageable risk, given China's still-benign domestic price environment. That said, the macro challenge has shifted. The key issue is no longer just external energy risk, but the divergence between resilient exports and high-tech production on one hand, and weak domestic demand, property and consumer confidence on the other. The Fund will be closely monitoring whether policy support in 2H26 can move beyond stabilization and translate into a more durable recovery in corporate earnings.

For India, the acute oil-shock risk has moderated, but the macro backdrop remains sensitive to external conditions. India's dependence on imported crude means oil

prices, gas supply, the current account and currency stability remain important variables. However, the economy has shown better resilience than initially feared, supported by infrastructure recovery, domestic consumption, services exports and continued government capex. The key swing factors in 2H26 will be monsoon distribution, food inflation, RBI policy and foreign capital flows. The RBI bi-monthly meetings will be watched closely, particularly whether inflation remains contained enough to preserve policy flexibility.

在主要新兴市场中，由于能源结构多元化、战略能源储备以及政策层面对能源安全的更高重视，中国受到油价上涨直接影响的程度相对较低。鉴于中国国内物价环境仍然温和，通胀风险也处于可控范围内。不过，当前宏观挑战的重点已经发生变化。关键问题已不再只是外部能源风险，而是出口和高科技生产展现韧性，与疲弱的内需、房地产市场及消费者信心不足之间的分化。基金将密切关注2026年下半年的政策支持能否超越稳定经济阶段，并推动企业盈利实现更持久的复苏。

对印度而言，严重的油价冲击风险已缓解，但宏观环境仍容易受到外部因素影响。由于印度高度依赖进口原油，油价、天然气供应、经常账户状况及汇率稳定仍是关键关注因素。然而，在基础设施复苏、国内消费、服务出口以及政府持续资本开支的支持下，印度经济展现出较初期预期更强的韧性。2026年下半年影响市场走势的关键因素将包括季风降雨分布、食品通胀、印度储备银行（RBI）的政策取向以及外资流动。印度储备银行的双月政策会议将受到密切关注，尤其是通胀能否维持在可控水平，从而保留货币政策调整空间。

Dalam kalangan pasaran pesat membangun utama, China masih agak terlindung daripada kesan langsung harga minyak yang lebih tinggi, disebabkan oleh pelbagai campuran tenaga, rizab strategik dan dasar yang semakin fokus terhadap keselamatan tenaga. Inflasi juga kekal sebagai risiko yang boleh diurus, memandangkan persekitaran harga domestik China yang masih baik. Oleh itu, cabaran makro telah beralih. Isu utama bukan lagi sekadar risiko tenaga luaran, malah perbezaan antara kemantapan eksport dan pengeluaran berteknologi tinggi di satu sudut, dan permintaan domestik, hartanah serta kelemahan keyakinan pengguna di sudut yang lain. Dana akan memantau dengan teliti sama ada sokongan dasar pada separuh kedua tahun 2026 boleh melangkau penstabilan dan diterjemahkan kepada pemulihan pendapatan korporat yang lebih tahan lama.

Menyorot India, risiko kejutan minyak yang teruk mula menyederhana, tetapi latar belakang makro kekal sensitif terhadap keadaan luaran. Kebergantungan India kepada minyak mentah yang diimport bermakna harga minyak, bekalan gas, akaun semasa dan kestabilan mata wang kekal sebagai pembolehubah penting. Walau apa pun, ekonomi telah menunjukkan daya tahan yang lebih baik daripada yang dibimbangkan pada awalnya, disokong oleh pemulihan infrastruktur, penggunaan domestik, eksport perkhidmatan dan perbelanjaan modal kerajaan yang berterusan. Faktor perubahan utama dalam separuh kedua tahun 2026 ialah taburan monsun, inflasi makanan, dasar RBI dan aliran modal asing. Mesyuarat RBI sekali dalam dua bulan dipantau dengan teliti, terutama sekali sama ada inflasi kekal terkawal untuk mengekalkan fleksibiliti dasar sewajarnya.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / *Tinjauan dan Strategi Dana*

The Fund returned -0.11% for the month, underperforming the benchmark return of -0.09% by 0.02%. Year-to-date, the Fund returned -10.39%, outperforming the benchmark return of -11.78% by 1.39%.

Overweight to Largan Precision, ICICI Bank Limited and China International Capital contributed positively to the fund's relative performance during the month. Sector-wise, underweight to Utilities and Materials added to relative performance during the month. However, overweight in Alibaba, Cognizant Technology Solutions and Weichai Power contributed negatively to the fund's relative performance. Sector-wise, underweight in Information Technology and overweight in Consumer Discretionary were detractors during the month.

In the Fund's view, recent geopolitical developments have further validated China's long-term policy priorities: energy independence, supply- chain resilience and AI infrastructure. The Middle East conflict has highlighted not only the vulnerability of global energy supply chains, but also the increasing role of AI, automation and advanced computing in defense, industrial systems and national competitiveness. The Fund believes the Chinese government will continue to intensify support for AI-related infrastructure, domestic semiconductors, cloud computing and industrial automation. This is positive for parts of the market where China has credible domestic champions, especially internet platforms, hardware supply chains and advanced manufacturing. At the same time, AI could also reinforce a more K-shaped economy: benefiting high-end manufacturing and productivity but potentially creating pressure on employment and old-economy sectors. Portfolio selectivity therefore remains important. The Fund's China exposure remains aligned with these themes, including EV battery companies such as CATL and internet leaders such as Alibaba and Tencent, where AI optionality is still offered at undemanding valuations.

For India, the Fund is constructive on India's structural self-reliance theme – defense, power, grid expansion, domestic manufacturing, healthcare, financials and data-centre-related capex remain attractive areas of long-term opportunity. While the market has partially recovered from the bottom in March, large cap valuations remain undemanding. Overall, the Fund continues to find decent value opportunities in both China and India: China offers valuation support, policy optionality and AI-led industrial upgrading, while India offers stronger structural growth, domestic resilience and a broader manufacturing/self-reliance opportunity.

检讨月份下，基金交出-0.11%回酬，跑输回酬为-0.09%的基准0.02%。年度至今，本基金的回酬是-10.39%，超越回酬为-11.78%的基准1.39%。

月内超配大立光电（Largan Precision）、印度工业信贷投资银行（ICICI Bank Limited）及中国国际金融（China International Capital），为基金相对表现带来正贡献。行业层面来看，低配公用事业和材料板块亦为基金相对表现带来正贡献。然而，超配阿里巴巴（Alibaba）、高知特科技（Cognizant Technology Solutions）及潍柴动力（Weichai Power），对基金相对表现造成负面影响。行业层面来看，低配信息技术板块以及超配可选消费板块，是本月基金相对表现的拖累因素。

此基金认为，近期地缘政治发展进一步印证了中国长期政策重点，包括能源自主、供应链韧性以及人工智能基础设施建设。中东冲突不仅暴露了全球能源供应链的脆弱性，也突出了人工智能、自动化和先进计算在国防、工业体系及国家竞争力中的日益重要作用。基金认为，中国政府将继续加大对人工智能相关基础设施、国产半导体、云计算及工业自动化领域的支持力度。这将利好中国拥有具备竞争力本土龙头企业的部分市场领域，尤其是互联网平台、硬件供应链和先进制造业。与此同时，人工智能也可能进一步加剧K型经济分化：一方面推动高端制造业发展并提升生产效率，另一方面可能对就业及传统行业带来压力。因此，投资组合的精选策略仍然十分重要。基金对中国市场的配置仍围绕上述主题展开，包括宁德时代（CATL）等电动车电池企业，以及阿里巴巴和腾讯（Tencent）等互联网龙头。这些公司目前估值仍较为合理，且仍具备AI发展带来的潜在增长机会。

对于印度而言，基金看好印度结构性自主发展主题——国防、电力、电网扩建、本土制造业、医疗保健、金融及数据中心相关资本开支，仍是具备长期投资机会的吸引力领域。尽管市场已从3月份低点部分回升，但大型股估值仍具吸引力。总体而言，基金继续在中国和印度市场寻找具吸引力的价值机会：中国市场提供估值支撑、政策调整空间以及人工智能驱动的产业升级机会；印度市场则提供更强劲的结构性增长、国内经济韧性，以及更广泛的制造业自主发展机遇。

Dana memperoleh pulangan -0.11% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.09% dengan perbezaan 0.02%. Sejak awal tahun hingga bulan tinjauan, Dana memberikan pulangan -10.39%, mengatasi pulangan penanda aras -11.78% dengan perbezaan 1.39%.

Lebihan berat kepada Largan Precision, ICICI Bank Limited dan China International Capital menyumbang secara positif kepada prestasi relatif Dana pada bulan ini.

PRULink Dragon Peacock Fund

All data is as of 30 June 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年6月30日的数据
Semua data seperti pada 30 Jun 2026 melainkan jika dinyatakan

Mengikut sektor, kurangan berat kepada Utiliti dan Bahan turut menguatkan prestasi relatif pada bulan ini. Walau bagaimanapun, lebihan berat dalam Alibaba, Cognizant Technology Solutions dan Weichai Power menyumbang secara negatif kepada prestasi relatif Dana. Mengikut sektor, kurangan berat dalam Teknologi Maklumat dan lebihan berat dalam Pengguna Bukan Keperluan pula merupakan penjejas prestasi pada bulan ini.

Menurut pandangan Dana, perkembangan geopolitik baru-baru ini telah mengesahkan lagi keutamaan dasar jangka panjang China: kebebasan tenaga, daya tahan rantaian bekalan dan infrastruktur AI. Konflik Timur Tengah bukan sahaja menonjolkan kelemahan rantaian bekalan tenaga global, malah peningkatan peranan AI, automasi dan pengkomputeran canggih dalam pertahanan, sistem perindustrian dan daya saing negara. Dana percaya bahawa kerajaan China akan terus memperhebat sokongan kepada infrastruktur berkaitan AI, semikonduktor domestik, pengkomputeran awan dan automasi perindustrian. Hal ini positif buat bahagian pasaran yang mana China mempunyai juara domestik yang boleh diharapkan, terutama sekali platform internet, rantaian bekalan perkakasan dan pembuatan canggih. Pada masa yang sama, AI juga boleh memperkukuh ekonomi yang lebih berbentuk K: memberi manfaat kepada pembuatan dan produktiviti berteknologi tinggi tetapi berpotensi mewujudkan tekanan ke atas sektor pekerjaan dan ekonomi lama. Oleh itu, pemilihan portfolio tetap penting. Pendedahan Dana kepada China kekal sejajar dengan tema-tema tersebut, termasuk syarikat bateri EV seperti CATL dan peneraju internet seperti Alibaba dan Tencent, yang mana pilihan kepada AI masih ditawarkan pada penilaian yang berpatutan.

Meninjau India, Dana berpandangan konstruktif terhadap tema struktur kemandirian India – pertahanan, kuasa, pengembangan grid, pengeluaran domestik, penjagaan kesihatan, kewangan dan perbelanjaan modal berkaitan pusat data kekal sebagai bidang peluang yang menarik dalam jangka panjang. Sementara sebahagian pasaran pulih daripada paras terendah pada bulan Mac, penilaian modal besar masih munasabah. Secara keseluruhan, Dana terus menemui peluang nilai yang baik di China dan India: China menawarkan sokongan penilaian, pilihan dasar dan penaiktarafan perindustrian yang dipacu AI, manakala India menawarkan pertumbuhan struktur yang lebih kukuh, daya tahan domestik dan peluang pengeluaran/kemandirian yang lebih besar.

Source / 资料来源 / *Sumber*: Fund Commentary, June 2026, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.
PAMB:
Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www .eastspring.com.sg.

MSCI: The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or redisseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. (www.msci.com)

PAMB: 任何投资皆涉及投资风险,包括本金的损失。单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回酬并不反映您投资的真实回酬(后者取决于您的保费分配率与费用). 您所投资的保费的真实回酬将根据有关投资联结基金的表现而定. 保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回酬可能会低于上述回酬。本册子只供说明之用。欲进一步了解条规与细则, 请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子, 如果本说明书的资料与保单文件有所出入, 将以保单文件者为准.若说明书的英文。马来文和中文版有差异则以英文版为准。有关目标基金的基 金说明书, 请浏览 www.eastspring.com.sg。

资料来源: MSCI。MSCI信息仅供您本身及组织内部之用，因此不能以任何形式将之复制或传播，而且也不可作为任何金融工具或产品或指数的基础或组件。MSCI信息不可作为投资的建议，或作出（或不作）任何种类的投资决定的建议，并且也不可视为投资的依据。过往的数据和分析不可作为未来表现分析、预测或预报的指标或保证。MSCI信息乃是"按原样"提供，而使用者必须对使用信息的一切后果负全责。编制、估算或创建一切MSCI信息的MSCI和其关联机构以及参与这些事项或与之有关的一切人士（统称为"MSCI各方"），特此表明不对有关信息作出任何保证（包括但不限于对某特殊目的的原创性、准确性、完整性、适时性、不侵权性、商业性及适用性的担保）。除上述内容外，MSCI各方在任何情况下均不会对直接、间接、特殊、偶然、惩罚性、后续的损失（包括但不限于利润的损失）或其他损失承担责任。（www.msci.com）

PAMB: Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.eastspring.com.sg.

MSCI: Maklumat MSCI hanya boleh digunakan untuk kegunaan dalaman organizasi anda, tidak boleh direproduksi atau disebarluaskan dalam sebarang bentuk dan tidak boleh digunakan sebagai asas untuk atau komponen bagi sebarang instrumen atau produk atau indeks kewangan. Tiada maklumat MSCI dimaksudkan untuk membentuk nasihat pelaburan atau cadangan untuk membuat (atau mengelakkan daripada membuat) apa-apa keputusan pelaburan dan tidak boleh disandarkan ke atasnya. Data dan analisa yang telah lalu tidak boleh di ambil sebagai petunjuk atau jaminan untuk sebarang analisa prestasi masa depan, ramalan atau telahan. Maklumat MSCI disediakan berdasarkan "sebagaimana adanya" dan pengguna maklumat tersebut mengambil alih keseluruhan risiko penggunaan maklumat yang berkenaan. MSCI, setiap ahli gabungannya dan setiap individu yang terlibat dalam atau berkaitan dengan menyusun, mengira atau membuat apa-apa maklumat MSCI (secara kolektif, "Pihak MSCI") dengan jelas menafikan semua waranti (termasuk, tidak terhad, sebarang waranti keaslian, ketepatan, kesempurnaan, ketepatan masa, tidak menyalahi, kebolehdagangan dan kesesuaian bagi tujuan tertentu) berkaitan dengan maklumat ini. Tanpa mengehadkan apa-apa yang disebutkan di atas, tiada satu keadaan pun Pihak MSCI patut menanggung sebarang liabiliti sama ada kerugian, langsung, tidak langsung, sampingan, hukuman, akibat (termasuk, dan tidak terhad ke atas kehilangan keuntungan) atau apa-apa ganti rugi lain. (www.msci.com)